



Hilang anak akibat kanser, semangat Norizan rangkul PhD kagumkan Permaisuri Johor

Mary Victoria Dass - November 27, 2022 @ 3:20pm
bhnews@bh.com.my



Raja Zarith Sofia (kiri) bersama Dr Norizan Sulong pada majlis Konvokesyen Ke-66 UTM, Khamis lalu. - Foto ihsan THE ROYAL JOHOR

JOHOR BAHRU: Semangat seorang ibu yang bangkit semula melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah kedoktoran falsafah (PhD) selepas kehilangan anak akibat kanser, menerima pujian Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Almarhum Sultan Idris Shah.

Raja Zarith Sofiah bertitah, baginda dan puteranya, Almarhum Tunku Jalil Sultan Ibrahim pernah melawat Dr Norizan Sulong dan Allahyarham anaknya dikenali sebagai Zakwan pada 2012.

Dr Norizan yang menerima PhD dalam bidang dasar pengantarabangsaan pendidikan tinggi, kehilangan anaknya Zakwan pada 2012 akibat leukemia, manakala Raja Zarith Sofiah kehilangan Almarhum Tunku Abdul Jalil akibat kanser hati tiga tahun kemudian.

Menurut baginda, kejayaan Dr Norizan menggenggam PhD adalah pencapaian yang mengagumkan.

"Sempena sesi konvokesyen, saya memakai cincin milik Almarhum Tunku Jalil sebagai penghormatan kepadanya dan Allahyarham Zakwan," titah baginda.

Sementara itu, Dr Norizan berkata, anaknya meninggal dunia 10 tahun lalu dan semangat Allahyarham mendorongnya menamatkan pengajian peringkat PhD.

"Saya menamatkan PhD ini kerana Zakwan, saya berpeluang berkenalan dengan Tuanku Permaisuri sebelum ini kerana Zakwan, justeru saya teringin sangat bergambar kenangan dengan Tuanku hari ini.

"Alhamdulillah baginda memperkenankan permohonan saya dan saya turut menghadiahkan salinan tesis saya.

"Sepanjang perjalanan ini, saya menghadapi pelbagai kesulitan, namun saya bersyukur. Perasaan ini sukar diungkapkan, ini adalah kehendak Allah yang memberi saya kekuatan untuk menempuhnya," katanya menerusi perkongsian di The Royal Johor di Facebook.

Kedua-dua ibu berkenaan bertemu kembali pada Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ke-66 pada Khamis lalu.